A

Abdullah bin Maalof (melalui wakil dirinya Hamzan bin Abdullah) lwn Ummi Kalthom bt Mohd Zain (menyaman sebagai pentadbir harta pusaka Mohamad bin Abu Talib)

B

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN SIVIL NO 12–53 TAHUN 2004
SURAYA OTHMAN H
16 JANUARY 2009

C

Insurans — Insurans motor — Kerugian atau kerosakan ke atas kereta — Kerugian total — Kenderaan dimiliki oleh Maybank Finance di bawah perjanjian jual beli insurans — Subrogasi — Sama ada Mayban Finance berhak
D *menuntut ganti rugi untuk kerugian total*

Insurans — Subrogasi — Kerugian total kenderaan — Kemalangan jalan raya — Tuntutan kerugian total bagi kenderaan si mati — Kenderaan si mati
E *dimiliki oleh Maybank Finance di bawah perjanjian jual beli — Pihak insurans bagi kenderaan si mati telah membayar kepada Mayban Finance — Sama ada pentadbir harta pusaka si mati boleh menuntut terhadap pihak insurans*

F *Prosedur Sivil — Estopel — Res judicata — Kemalangan jalan raya — Sama ada responden membangkitkan isu yang telah dilitigasikan — Sama ada res judicata tidak timbul kerana kes lebih awal tidak mempertimbangkan isu kerugian total*

G

Tort — Ganti rugi — Kecuaian — Kemalangan jalan raya — Tuntutan untuk kos mengambil surat kuasa — Sama ada perbelanjaan dibuktikan

H

Responden/plaintif selaku pentadbir harta pusaka si mati, telah menuntut terhadap perayu/defendan ganti rugi berpunca daripada suatu kemalangan jalan raya yang membabitkan kenderaan si mati dan motokar perayu. Tindakan yang lebih awal oleh pihak responden bagi pihak dirinya dan tanggungan si mati akibat kemalangan yang sama telah difailkan melalui
I Saman No 53–33 Tahun 1994 terhadap perayu yang sama. Kes terbabit telah dibicarakan sepenuhnya dan perayu telah didapati bertanggungan 100%. Bagi kes yang dirayukan ini, hakim bicara telah memberikan ganti rugi khas sebanyak RM25,000 untuk 'total loss' bagi kenderaan si mati dan RM1,500 bagi kos mengambil surat kuasa. Perayu telah merayu berdasarkan empat isu

utama seperti berikut: (i) bahawa oleh sebab tuntutan di sini adalah sama dengan tuntutan di dalam kes 53–33 Tahun 1994, wujudnya isu res judicata; (ii) bahawa pihak insurans bagi kenderaan motor van si mati iaitu Sime Axa Assurance telah membuat bayaran kepada pemilik kenderaan tersebut iaitu Mayban Finance dan oleh itu responden tidak berhak membuat tuntutan di dalam kes ini; (iii) isu subrogasi; dan (iv) bahawa Akta Sewa Beli 1967 terpakai dalam tuntutan ini.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos:

(1) Isu res judicata yang dibangkitkan oleh pihak perayu tidak timbul di dalam tuntutan responden ini. Hakim yang mengendalikan kes Saman No 53–33 Tahun 1994, tidak memberikan pertimbangan ke atas isu sama ada untuk membenarkan atau tidak tuntutan ganti rugi khas atas kehilangan 'total loss' kenderaan si mati. Tuntutan responden bagi ganti rugi berkenaan telah ditarik balik pada peringkat awal lagi. Oleh itu, prinsip res judicata tidak boleh diguna pakai untuk menghalang responden daripada mengemukakan tuntutannya. Prinsip res judicata adalah terpakai bila mana sesuatu isu yang dibawa ke hadapan mahkamah telah pun diputuskan atau dihakimi sepenuhnya oleh hakim bicara setelah mendengar dan menimbang akan penghujahan-penghujahan berserta nas undang-undang dan autoriti-autoriti kes di atas isu terbabit oleh kedua-dua belah pihak (lihat perenggan 18); *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189 dan *Tong Lee Hua v Lee Yoke San* [1981] 1 MLJ 54 diikut.

(2) Pihak insurans responden iaitu Sime Axa Assurance telah menjelaskan jumlah kerugian yang dialami akibat 'total loss' motor van terbabit kepada Mayban Finance selaku pemilik di bawah perjanjian jual beli dan pada masa yang sama, hak untuk mendakwa oleh Mayban Finance telah diserahkan kepada Sime Axa Assurance di bawah doktrin subrogasi. Maka, doktrin subrogasi terpakai di dalam tindakan ini dan oleh sebab tiada arahan daripada pihak insurans untuk responden mendapatkan kembali jumlah wang yang telah dibayar, responden tidak layak untuk memfailkan tuntutan ini (lihat perenggan 26).

(3) Kos mengambil surat kuasa sebanyak RM1,500 tidak harus dibenarkan kerana tiada bukti dikemukakan oleh responden bagi menunjukkan bahawa beliau telah mengeluarkan perbelanjaan tersebut untuk pengambilan surat kuasa (lihat perenggan 28).

(4) Peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967 masih terpakai bagi menentukan hak milik sebenar kenderaan si mati tersebut memandangkan ia masih lagi di dalam perjanjian sewa beli dengan

pihak bank. Mahkamah tidak boleh mengenepikan peruntukan Akta ini hanya semata-mata tuntutan yang dibuat adalah di bawah tort yang dikatakan tidak melibatkan isu hak milik. Selagi kenderaan itu masih lagi di bawah pembiayaan pihak bank, isu hak milik sebenar masih lagi relevan dan penting. Oleh itu, peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967 adalah terpakai dalam keadaan ini (lihat perenggan 29).

[English summary

The respondent/plaintiff as the administrator of the deceased's estate claimed against the appellant/defendant for damages arising from a road accident involving the deceased's vehicle and the appellant's car. An earlier action by the respondent on behalf of himself and the deceased's dependant due to the same accident was filed by way of Summons No 53–33 of 1994 against the same appellant. The said case was tried exclusively and the appellant was found 100% liable. In this appeal case, the trial judge had awarded special damages of RM25,000 for the total loss of the deceased's car and RM1,500 for the cost of extraction of the letter of administration. The appellant appealed based on four main issues which as follows: (i) that since this claim was a similar claim as that of case 53–33 of 1994, there existed an issue of res judicata; (ii) that the insurer for the deceased's van ie Sime Axa Assurance had made payment to the owner of the vehicle ie Mayban Finance, therefore the respondent had no right to make a claim in this case; (iii) the issue of subrogation; and (iv) that the Hire Purchase Act 1967 was applicable in this claim.

Held, allowing the appeal with costs:

(1) The issue of res judicata raised by the appellant was not raised in this claim by the respondent. The judge who conducted the case of Summons No 53-33 of 1994 did not consider the issue on whether or not to allow the special damages claim for the total loss of the deceased's car. The respondent's claim for the said damages had been duly retracted at the preliminary stage. Therefore, the principle of res judicata could not be applied in restricting the respondent from making his claim. The principle of res judicata is applicable when an issue brought to the court had been decided upon or adjudicated exclusively by the trial judge upon hearing and considering the submissions and facts of law and case authorities on the issues involving both parties (see para 18); *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189 dan *Tong Lee Hua v Lee Yoke San* [1981] 1 MLJ 54 followed.

(2) The respondent's insurer ie Sime Axa Insurance had settled the amount of loss suffered due to the total loss of the van involved with Mayban Finance, the owner under the sale and purchase agreement and at the same time, the right to sue by Mayban Finance had been subrogated to Sime Axa Assurance under the doctrine of subrogation. Thus, the doctrine of subrogation was applicable in this action and as there was no instruction from the insurer for the respondent to recover the amount paid, the respondent had no right to file this claim (see para 26).

(3) The cost to extract the letters of administration amounting to RM1,500 should not be allowed as there was no evidence produced by the respondent to show that he had incurred the said cost to extract the letters of administration (see para 28).

(4) The provision under the Hire Purchase Act 1967 was still applicable to determine the rightful ownership of the deceased's car since there was still a hire purchase agreement with the bank. The court should not ignore the provisions of this Act merely because the claim made was under tort which allegedly did not involve the issue of ownership. As long as the vehicle was under the finance of the bank, the issue of rightful ownership was still relevant and important. Therefore, the provision under the Hire Purchase Act 1967 was applicable in this circumstance (see para 29).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kerugian atau kerosakan ke atas kereta, lihat 8 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 320.

Untuk kes-kes mengenai kecuaian, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 208–226.

Untuk kes-kes mengenai res judicata, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2630–2642.

Untuk kes-kes mengenai subrogasi secara amnya, lihat 8 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 349–354.

Kes-kes yang dirujuk

Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd [1995] 3 MLJ 189, MA (diikut)

Hobbs v Marlowe [1977] 2 All ER 241; [1978] AC 16, HL (dirujuk)

John D'Silva v Anthony Moses [2002] 3 MLJ 306, MR (dirujuk)

Kementerian Pertahanan Malaysia & Anor v Malaysia International Shipping Corp Bhd and another suit [2003] 2 MLJ 226; [2003] 2 CLJ 525, MT (tidak diikut)

Malaysian Australian Finance Co Ltd v The Law Union & Rock Insurance Co Ltd [1972] 2 MLJ 10, MT (dirujuk)

Morley v Moore [1936] All ER 79, MR (dirujuk)

Teo Kim Kien & Ors v Lai Sen & Anor [1980] 2 MLJ 125, MP (dirujuk)
Tong Lee Hua v Lee Yoke San [1981] 1 MLJ 54, PC (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta Sewa Beli 1967 ss 2 dan 26(2)

Mohd Zaki bin Abd Manan (Balendran Chong) bagi pihak perayu/defendan. Jey Param (Jey & Co) bagi pihak responden/plaintif.

Suraya Othman H:

PENDAHULUAN

[1] Ini merupakan rayuan oleh pihak perayu/defendan yang tidak berpuas hati dengan keputusan hakim Mahkamah Sesyen Kuantan yang telah diberikan pada tarikh 17 Mac 2004. Pihak perayu melalui pemfailan notis rayuan bertarikh 31 Mac 2004 merayu terhadap keseluruhan keputusan tersebut seperti mana yang tertera di ms 1 dan 2 rekod rayuan.

LATAR BELAKANG KES

[2] Meneliti akan isi kandungan rekod rayuan dan rekod rayuan tambahan yang telah difailkan serta mengambilkira penghujahan-penghujahan bertulis yang telah dikemukakan oleh peguam cara bagi kedua-dua belah pihak, didapati bahawa responden/plaintif selaku pentadbir harta pesaka si mati, Mohamad bin Abu Talib di dalam tindakan yang dirayukan di hadapan saya ini iaitu Saman No 53–146 Tahun 1996, telah menuntut terhadap perayu/defendan bagi ganti rugi khas yang berpunca daripada suatu kemalangan jalan raya yang berlaku di Jalan Cheroh Paloh, Pekan menghala ke Kuantan pada tarikh 10 Ogos 1991 membabitkan kenderaan si mati dan Azman bin Ali, pemandu motokar perayu yang diberikan kebenaran untuk memandu. Tindakan yang lebih awal oleh pihak responden bersama-sama tiga orang yang lain bagi pihak dirinya dan tanggungan si mati akibat kemalangan yang sama telah difailkan melalui Saman No 53–33 Tahun 1994, juga terhadap perayu yang sama. Kes terbabit telah dibicarakan sepenuhnya oleh hakim mahkamah sesyen, Allahyarham Dato' Mohamad bin K Abd Rahman dan di peringkat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Hakim Mahkamah Tinggi telah bersetuju dengan penemuan yang telah dicapai oleh hakim bicara tersebut di atas isu liabiliti dan kuantum. Di dalam kes tersebut telah diputuskan bahawa perayu/defendan adalah bertanggungan 100% terhadap kemalangan yang berlaku.

[3] Bagi kes yang dirayukan ini, pihak-pihak telah bersetuju untuk menguna pakai keterangan saksi-saksi di dalam kes 53–33 Tahun 1994

kecuali seorang saksi tambahan yang dikemukakan oleh pihak perayu iaitu Puan Alice Ang Lui Neo, pegawai insurans bagi syarikat insurans yang mengeluarkan insurans bagi kenderaan si mati. Setelah mempertimbangkan akan segala keterangan yang ada di hadapan beliau termasuk keterangan saksi tambahan tersebut, hakim bicara telah memutuskan bahawa ganti rugi khas yang dipohon oleh responden dibenarkan sebanyak RM26,500 keseluruhannya yang mana dipecahkan kepada RM25,000 untuk 'total loss' bagi kenderaan motor van si mati dan RM1,500 bagi kos mengambil surat kuasa.

[4] Alasan penghakiman hakim bicara adalah seperti mana yang terkandung di ms 44 dan 45 rekod rayuan manakala pihak perayu telah menggariskan sebanyak 13 alasan rayuan di dalam memorandum rayuan yang bertarikh 7 Julai 2006 untuk pertimbangan mahkamah.

PENGHUJAHAN

[5] Di dalam penghujahan mereka, pihak perayu telah menjuruskan kepada empat isu utama yang terdiri daripada:

(a) isu res judicata;

(b) responden/plaintif tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan di dalam kes ini kerana tuntutan telah diselesaikan;

(c) isu subrogasi terpakai, dan

(d) Akta Sewa Beli 1967 juga terpakai dalam tuntutan ini.

[6] Di atas isu res judicata, pihak perayu menghujahkan bahawa oleh kerana tuntutan di dalam tindakan ini adalah sama dari segi fakta-faktanya dengan tuntutan responden di dalam kes 53–33 tahun 1994 yang telah diputuskan sepenuhnya, wujudnya isu res judicata apabila pihak responden mengemukakan tuntutan bagi kehilangan 'total loss' motor van di sini. Di atas isu ini, rujukan dibuat kepada beberapa autoriti kes yang mana antaranya adalah kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189 dan *John D'Silva v Anthony Moses* [2002] 3 MLJ 306. Turut dihujahkan bahawa apabila peguam cara responden menarik balik tuntutan ke atas kehilangan motor van tanpa kebebasan memfailkan semula di dalam kes 53–33 Tahun 1994, responden tidak seharusnya diberi peluang mengaut keuntungan daripada kesilapan peguam caranya.

[7] Bagi menjawab kepada penghujahan pihak perayu di atas isu ini, pihak responden menegaskan bahawa res judicata tidak timbul di dalam tuntutan responden memandangkan hakim bicara tidak 'deliberate' atas isu sama ada kos kehilangan van adalah di dalam kategori tuntutan estet ataupun tuntutan

A tanggungan. Alasannya adalah kerana peguam cara plaintif telah menarik balik tuntutan untuk kehilangan van sebelum keputusan untuk menolak tuntutan tersebut dibuat oleh hakim bicara.

B **[8]** Selanjutnya, bagi isu kedua pula dihujahkan bahawa berdasarkan kepada keterangan saksi pihak perayu, Puan Alice Ang adalah jelas bahawa pihak insurans bagi kenderaan motor van si mati bernombor pendaftaran CAE 7085 iaitu Sime Axa Assurance telah membuat bayaran kepada pemilik (owner) kenderaan tersebut iaitu Mayban Finance sebanyak RM24,500 pada tahun 1992. Dihujahkan bahawa pihak insurans adalah tertakluk kepada C indorsmen yang tertera pada polisi yang menyatakan bahawa hak milik adalah dituntut oleh Mayban Finance dan sebarang bayaran 'total loss' atau kecurian kenderaan mestilah dibuat kepada Mayban Finance. Pihak insurans juga ada mengeluarkan surat tawaran bertarikh 23 Januari 1997 kepada responden untuk membayar 'total loss' tersebut dan tiada tindakan diambil D oleh pihak insurans terhadap syarikat insurans kenderaan perayu kerana mereka tertakluk kepada perjanjian 'knock for knock'.

[9] Pada masa yang sama, rujukan turut dibuat oleh peguam cara perayu E kepada peruntukan ss 2 dan 26(2) Akta Sewa Beli 1967 yang dihujahkan sebagai berkaitan dengan tuntutan yang dibuat responden di hadapan mahkamah ini serta kepada keputusan mahkamah di dalam kes *Malaysian Australian Finance Co Ltd v The Law Union & Rock Insurance Co Ltd* [1972] MLJ 10. Di dalam keadaan ini, perayu menghujahkan bahawa sekiranya F tuntutan responden dibenarkan, maka akan terdapatnya tuntutan berganda bila mana pihak perayu terpaksa membayar kepada responden bagi kerugian yang telah diselesaikan oleh pihak insurans kepada pemilik kenderaan terbabit iaitu Mayban Finance. Oleh itu, apa yang perlu dilakukan oleh responden sebaik sahaja menerima jumlah tuntutan bagi kerugian 'total loss' G adalah dengan menyerahkan bayaran tersebut kepada pihak insurans.

[10] Pihak responden pula di dalam penghujahan mereka menghujahkan bahawa responden layak untuk memfailkan tuntutan bagi kehilangan motor van terbabit berdasarkan kepada keterangan saksi SD1, wakil dari Sime Axa H Assurance yang dengan jelas mengesahkan bahawa pihak insurans tidak berhasrat untuk mengambil tindakan terhadap perayu/pemandu motokar CU 5079 dan pada yang sama tidak menghalang responden daripada mengemukakan tuntutannya. Di atas isu ini, rujukan dibuat kepada keputusan mahkamah di dalam kes *Teo Kim Kien & Ors v Lai Sen & Anor* I [1980] 2 MLJ 126 dan prinsip yang diputuskan di dalam kes-kes *Morley v Moore* [1936] All ER 79 serta *Hobbs v Marlowe* [1977] 2 All ER 241.

[11] Isu ketiga yang dibangkitkan oleh pihak perayu adalah berkenaan doktrin subrogasi yang dihujahkan sebagai terpakai kepada mereka. Rujukan

dibuat kepada 'Discharge and Subrogation Voucher' yang telah ditandatangani selaku pemilik motor van terbabit yang memberikan hak subrogasi kepada Sime Axa Assurance. Namun demikian, berdasarkan kepada keterangan Puan Alice Ang, pihak insurans memilih untuk tidak menggunapakai hak tersebut berdasarkan kepada perjanjian 'knock for knock' di antara pihaknya dan pihak insurans bagi kenderaan perayu. Hujahan ringkas turut disertakan berkenaan kos bagi pengambilan surat kuasa yang dibenarkan oleh mahkamah sebanyak RM1,500. Perayu menegaskan bahawa tiada sebarang bukti dikemukakan oleh pihak responden bagi menunjukkan bahawa beliau sememangnya membelanjakan jumlah tersebut bagi tujuan pengambilan surat kuasa.

[12] Pihak responden menegaskan bahawa doktrin subrogasi sepertimana yang digariskan di dalam kes *Kementerian Pertahanan Malaysia & Anor v Malaysia International Shipping Corporation Bhd and another suit* [2003] 2 MLJ 226; [2003] 2 CLJ 525 adalah tidak terpakai kepada perayu di dalam tindakan ini. Alasan yang dikemukakan adalah kerana pihak Sime Axa Insurance telah membuat bayaran kepada Mayban Finance tanpa 'assignment of rights' oleh pihak responden.

[13] Isu keempat yang ditimbulkan oleh pihak perayu adalah bahawa Akta Sewa Beli 1967 adalah terpakai di dalam tuntutan ini. Ini kerana responden melalui hujahan tambahan yang difailkannya pada bulan Februari 2008 telah berhujah bahawa peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah terpakai dalam tindakan yang difailkan ini dan bukannya Akta Sewa Beli 1967.

[14] Menurut responden, berdasarkan peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 tersebut, pemilik motor van tersebut adalah Mohamad bin Abu Talib (si mati) yang juga merupakan pemegang permit dan bukannya syarikat kewangan atau bank.

[15] Responden berhujah bahawa Akta Sewa Beli 1967 tidak terpakai kerana kausa tindakan responden/plaintif adalah berkaitan tort di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan tidak berkaitan dengan sebarang peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967. Isu pembayaran di antara Maybank Finance Bhd dan Sime AXA Assurance adalah tidak kena mengena dengan tuntutan di antara perayu dan responden.

[16] Responden di dalam mengemukakan hujahan di atas telah cuba untuk membezakan tuntutan di bawah kausa tindakan tort melalui Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan kausa tindakan di bawah Akta Sewa Beli 1967. Sekiranya tuntutan itu adalah berkaitan isu tort dan kecuaian pihak-pihak, isu sama ada kenderaan yang terlibat masih lagi di bawah

pembiayaan pihak institusi kewangan adalah tidak relevan. Isu tuan punya kenderaan yang sebenar seperti mana dalam peruntukan Akta Sewa Beli 1967 adalah tidak terpakai.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[17] Mahkamah setelah meneliti dan menimbang akan penghujahan-penghujahan yang telah dikemukakan oleh peguam cara bagi kedua-dua belah pihak (hujah bertulis responden/plaintif yang difailkan pada bulan Januari dan Februari 2008 dan hujah bertulis perayu/defendan yang difailkan pada bulan Februari 2007 dan Disember 2008) serta mengambilkira akan keseluruhan isi kandungan rekod rayuan dan rekod rayuan tambahan mendapati bahawa isu res judicata yang dibangkitkan oleh pihak perayu adalah tidak timbul di dalam tuntutan responden ini.

[18] Adalah jelas melalui rekod dan keterangan yang ada di hadapan mahkamah ini bahawa hakim bicara yang mengendalikan perbicaraan dan kemudiannya membuat keputusan bagi kes Saman No 53–33 Tahun 1994, Allahyarham Dato' Mohamad bin K Abd Rahman tidak pernah memberikan pertimbangan atau 'adjudicate' ke atas isu sama ada untuk membenarkan atau tidak tuntutan responden/plaintif di dalam kes terbabit berkenaan ganti rugi khas kehilangan 'total loss' motor van CAE 7085 tersebut. Ini kerana tuntutan plaintif/responden bagi ganti rugi berkenaan telah pun ditarik balik oleh peguam cara responden pada peringkat awal lagi. Di dalam keadaan ini, tidak dapat dinafikan bahawa prinsip res judicata tidak boleh diguna pakai untuk menghalang responden daripada mengemukakan tuntutannya. Prinsip res judicata adalah terpakai bila mana sesuatu isu yang dibawa ke hadapan mahkamah telah pun diputuskan atau dihakimi sepenuhnya oleh hakim bicara setelah mendengar dan menimbang akan penghujahan-penghujahan berserta nas undang-undang dan autoriti-autoriti kes di atas isu terbabit oleh kedua-dua belah pihak. Ini adalah sepertimana yang telah digariskan oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189 yang berbunyi:

> Apabila sesuatu perkara di antara dua pihak telahpun dihakimi dan diputuskan oleh sesuatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten, mereka dan privi mereka adalah tidak dibenarkan untuk membuat litigasi sekali lagi res judicata itu, kerana penghakiman itu menjadi kebenaran di antara pihak tersebut.
>
> Sebagai hasilnya, suatu 'estoppel per rem judicatum' telah dibentuk.

[19] Situasi berlainan berlaku di dalam kes ini bila mana tuntutan terbabit telah ditarik balik oleh responden/plaintif sebelum ianya dibicarakan dan di dalam memutuskan bahawa isu res judicata tidak terpakai terhadap tuntutan

responden di sini, saya mengguna pakai keputusan Privy Council di dalam kes *Tong Lee Hua v Lee Yoke San* [1981] 1 MLJ 54 yang memutuskan bahawa:

> It was clear the learned judge in the earlier proceedings made no adjudication. He only permitted the plaintiff's summons to be withdrawn so that consideration should be given to matter of adding the others as defendants.

[20] Saya berpuas hati bahawa keadaan yang sama berlaku di dalam tindakan ini apabila hakim bicara di dalam kes 53–33 Tahun 1994 hanya membenarkan tuntutan responden/plaintif untuk kerugian motor van terbabit dibatalkan di atas permohonan responden sendiri yang ingin menarik balik tuntutan tersebut. Berdasarkan kepada alasan yang telah dinyatakan tadi, saya memutuskan bahawa isu res judicata adalah tidak terpakai terhadap tuntutan plaintif yang difailkan melalui tindakan baru, kes No 53–146 Tahun 1996.

[21] Seterusnya, saya pergi pula kepada tiga isu lagi yang dibangkitkan oleh pihak perayu iaitu sama ada tuntutan yang dikemukakan oleh responden di sini telah diselesaikan, dan sama ada doktrin subrogasi, dan Akta Sewa Beli 1967 terpakai dalam tuntutan ini. Saya percaya ketiga-tiga isu yang dibangkitkan oleh pihak perayu adalah saling kait-mengait di antara satu sama lain. Ini kerana sekiranya diputuskan bahawa doktrin subrogasi dan Akta Sewa Beli 1967 adalah terpakai, maka kesimpulan yang dicapai adalah tuntutan responden di sini tidak dapat dipertahankan dan harus ditolak memandangkan ianya telah diselesaikan.

[22] Meneliti kepada keterangan saksi Cik Alice Ang bagi pihak perayu, adalah jelas bahawa pihak insurans bagi motor van CAE 7085, Sime Axa Assurance telah membuat pembayaran kepada pihak Mayban Finance untuk kehilangan atau 'total loss' bagi motor van terbabit untuk jumlah RM24,500. Menurut saksi tersebut lagi, pembayaran dibuat berdasarkan kepada tuntutan oleh Mayban Finance selaku pemilik (owner) kepada motor van terbabit di bawah perjanjian sewa beli di antara mereka dengan si mati selaku penyewa (hirer). Pihak Mayban Finance (dahulunya Supreme Finance Bhd) dikatakan berhak untuk mengemukakan tuntutan tersebut berdasarkan butiran 'hak milik dituntut' pada kad pendaftaran motor van yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan bayaran telah dibuat oleh pihak insurans dengan sewajarnya.

[23] Berkenaan ketiadaan tuntutan yang diambil oleh pihak insurans kepada pihak insurans motokar perayu/defendan pula, penjelasan yang diberikan adalah bahawa mereka adalah tertakluk kepada perjanjian 'knock for knock'. Di bawah perjanjian tersebut, pihak insurans akan menanggung sendiri kerugian masing-masing. Susulan daripada keterangan saksi tersebut,

pihak perayu menyarankan kepada mahkamah bahawa doktrin subrogasi adalah terpakai berdasarkan kepada 'Discharge and Subrogation Voucher' yang telah ditandatangani oleh pihak Mayban Finance yang bertindak sebagai pemilik kenderaan kepada pihak insurans. Justeru itu, pilihan adalah di tangan pihak Sime Axa Insurance untuk menuntut bagi kehilangan motor van terhadap perayu/defendan atau syarikat insurans motokar CU 5079 di bawah doktrin subrogasi. Pihak responden tidak lagi berhak untuk mengemukakan tuntutan dan mendapatkan keuntungan 'berganda' bagi kerugian tersebut.

[24] Pihak responden di dalam menyangkal dakwaan perayu menegaskan bahawa doktrin subrogasi adalah tidak terpakai di atas alasan motor van terbabit berada di dalam possessi si mati dan tiada 'assignment' diberikan oleh si mati atau keluarganya kepada pihak insurans, khususnya kepada saksi SD5 tersebut. Oleh itu, dihujahkan bahawa bayaran yang dibuat oleh Sime Axa Assurance kepada Maybank Finance adalah tanpa pengetahuan dan notis kepada ahli keluarga pemegang possessi. Di dalam keadaan ini, responden adalah dikatakan berhak untuk membawa tuntutan terhadap pelaku kecuaian atau 'tortfeasor' yang menyebabkan berlakunya kemalangan tersebut dan tidak terikat kepada doktrin subrogasi. Pihak responden bergantung kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Teo Kim Kien & Ors v Lai Sen & Anor* [1980] 2 MLJ 126 di atas isu-isu ini.

[25] Namun demikian, selepas penelitian dan pertimbangan diberikan kepada fakta dan latar belakang kes yang dibentangkan di hadapan mahkamah ini dan mengambilkira keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang dinyatakan tadi, saya lebih cenderung untuk menerima pakai pendekatan yang telah diambil oleh pihak perayu berkenaan isu subrogasi ini. Di dalam kes *Teo Kim Kien* yang turut merujuk kepada keputusan Lord Diplock di dalam kes *Hobbs v Marlowe* [1978] AC 16 di ms 37 telah memutuskan seperti berikut:

> This case clearly is concerned with the doctrine of subrogation under which an insured must bring an action against the wrongdoer if he is called upon by his insurers to do so and is indemnified against the costs, but it is his own cause of action, not that of his insurer that he sues on: as against the wrongdoer the insurer has no cause of action of his own: per Lord Diplock in *Hobbs v Marlowe* at p 37. If the damages suffered by the insured himself either to his person or to his car has been settled and paid to him by the insurer under the policy of comprehensive insurance, the doctrine of subrogation still applies and the insurer may require the insured to take action against the wrongdoer for the recovery of all the damages flowing from the latter's negligence. The insured's own interest in the action may be limited to the first part of the damage claim which he had to pay under the excess clause or to the excess of his personal injury claims over what he had been paid by the insurer. If the action succeeds and he recovers a sum in settlement of his claims, he is bound to refund to the insurer what his insurer had paid to him

under the policy of insurance. If the wrong-doer was himself covered by a policy of insurance, the existence of a knock for knock agreement between the insurers of the plaintiff and the wrongdoer did not deprive the plaintiff of his right of action against the defendant for the full amount of the damage that he had sustained, though he would also be under a duty to hand over to his insurer that part of total damages recovered for which he had already been indemnified by it.

[26] Setelah memberikan penelitian kepada maksud yang tersirat di sebalik petikan keputusan di atas dan fakta kes terbabit, tafsiran secara amnya yang boleh dibuat adalah responden/plaintif juga berhak untuk membawa tuntutannya sendiri terhadap pihak perayu/defendan sama ada melalui pihak insuransnya ataupun tidak. Hak tersebut tidak dinafikan dan oleh itu pihak responden/plaintif telah pun berjaya mendapatkan tuntutan-tuntutan ganti rugi terhadap perayu/defendan yang sama melalui tindakan Saman No 53–33 Tahun 1994. Keputusan di dalam kes tersebut adalah selaras dengan keputusan di dalam kes ini, yang mana berkaitan. Di dalam kes yang dirujuk tersebut, tindakan telah diambil oleh pihak insurans bagi pihak responden pertama telah diputuskan sebagai 'maintainable'. Yang menjadi isu di hadapan mahkamah ini pula adalah berbeza dengan tuntutan yang telah dikemukakan responden/plaintif di dalam kes No 53–33 Tahun 1994. Berkenaan tuntutan ganti rugi kehilangan motor van ini pula, pihak insurans responden/plaintif sendiri iaitu Sime Axa Assurance telah menjelaskan jumlah kerugian yang dialami akibat 'total loss' motor van terbabit kepada Mayban Finance selaku pemilik di bawah perjanjian jual beli dan pada masa yang sama, hak untuk mendakwa oleh Mayban Finance telah diserahkan (subrogate) kepada Sime Axa Assurance di bawah doktrin subrogasi berdasarkan kepada discharge and subrogation voucher. Di dalam keadaan tersebut, saya bersetuju dengan penghujahan pihak perayu bahawa doktrin subrogasi adalah terpakai di dalam tindakan ini dan oleh kerana tiada arahan daripada pihak insurans untuk responden/plaintif mendapatkan kembali jumlah wang yang telah dibayar, responden/plaintif adalah tidak layak untuk memfailkan tuntutan ini.

[27] Berdasarkan kepada keputusan di dalam kes *Teo Kim Kien* itu tadi, sekiranya tuntutan responden/plaintif di dalam tindakan ini dibenarkan sekalipun, responden/plaintif adalah terikat atau 'bound' untuk membayar balik jumlah ganti rugi yang diterimanya kepada pihak insurans. Sekiranya pihak responden/plaintif enggan melaksanakan 'duty' tersebut, responden di dalam tindakan ini akan dipampaskan secara dua kali ganda. Ini kerana, responden tidak lagi perlu menjelaskan baki tunggakan harga sewa beli kepada Mayban Finance untuk motor van terbabit dan pada masa yang sama memperolehi ganti rugi untuk kehilangan 'total loss'nya bagi jumlah yang diinsuranskan sedangkan pihak responden sedia maklum bahawa nilai yang

A diinsuranskan (insured insurance value) adalah untuk pampasan kepada pihak yang memegang hak milik dituntut sekiranya berlaku kerugian 'total loss' akibat kemalangan ataupun kecurian. Bagi mengelakkan senario seperti itu berlaku, adalah wajar bagi mahkamah ini untuk tidak membenarkan tuntutan pihak responden/plaintif bagi kerugian 'total loss' motor van
B tersebut.

[28] Bagi kos mengambil surat kuasa sebanyak RM1,500 yang dibenarkan oleh hakim bicara, saya berpendapat bahawa ianya tidak harus dibenarkan kerana tiada sebarang bukti yang dikemukakan oleh pihak responden/plaintif
C untuk menunjukkan bahawa beliau sememangnya telah mengeluarkan perbelanjaan untuk jumlah tersebut bagi tujuan pengambilan surat kuasa. Alasan penghakiman hakim bicara juga turut tidak menjelaskan mengapa beliau memutuskan untuk membenarkan jumlah tersebut.

D

[29] Bagi isu keempat mahkamah berpendapat perkara yang ditimbulkan ini adalah sesuatu yang remeh temeh dan tidak mempunyai sebarang merit. Adalah sesuatu yang jelas bahawa peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967 masih terpakai bagi menentukan hak milik sebenar motor van tersebut
E memandangkan ia masih lagi di dalam perjanjian sewa beli dengan pihak bank. Mahkamah tidak boleh mengenepikan peruntukan Akta ini hanya semata-mata tuntutan yang dibuat adalah di bawah tort yang dikatakan tidak melibatkan isu hak milik. Selagi kenderaan itu masih lagi dibawah pembiayaan pihak bank, isu hak milik sebenar masih lagi relevan dan
F penting. Sudah tentu peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967 adalah terpakai dalam keadaan ini.

[30] Mahkamah bersetuju dengan hujahan perayu bahawa isu sama ada tuntutan ini adalah di bawah kausa tort atau jenayah atau sewa beli bukanlah
G menjadi persoalan dalam kes ini. Yang pentingnya di sini, motor van tersebut masih lagi di bawah pembiayaan bank dan oleh itu ditegaskan sekali lagi, Akta Sewa Beli 1967 adalah terpakai.

KESIMPULAN

H

[31] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan di awal tadi, mahkamah memutuskan bahawa rayuan perayu/defendan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen bertarikh 17 Mac 2004 adalah dengan
I ini dibenarkan dengan kos dan perintah hakim mahkamah sesyen tersebut adalah diketepikan.

[32] Rayuan dibenarkan dengan kos.

Rayuan dibenarkan dengan kos.

Reported by Kanesh Sundrum